

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

ATP 201 - Perakaunan Kewangan II

Masa : [ 3 JAM ]

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH SATU** muka surat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B.** Pilih **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN C.**

**BAHAGIAN A**

(SILA JAWAB SOALAN-SOALAN 1 HINGGA 30 DI DALAM BORANG OMR).

1. Sumbangan SEC "Securities and Exchange Commission" kepada teori perakaunan boleh dianggap sebagai:
  - (a) Konsisten dan terpenting.
  - (b) Konsisten dan penting.
  - (c) Kadang-kadang terpenting dan kadang-kadang penting.
  - (d) Tidak wujud.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
2. Komponen-komponen penyata kewangan juga termasuk pelaburan yang dibuat oleh pemilik-pemilik syarikat. Ini dianggap sebagai tambahan di dalam entiti aset bersih kesan daripada aktiviti-aktiviti pemilik yang
  - (a) Memindahkan aset kepada entiti.
  - (b) Memberi servis kepada entiti.
  - (c) Kepuasan liabiliti daripada entiti.
  - (d) Semua di atas.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

...2/-

3. Yang manakah di antara jawapan di bawah yang dapat menerangkan konsep konservatif dengan setepatnya.
- (a) Kaedah elauan digunakan untuk pengiktirafan kerugian hutang tapuk daripada jumlah jualan yang dibuat.
  - (b) Kaedah kos yang terendah atau pasaran di dalam membuat penilaian inventori.
  - (c) Mengguna kaedah perakaunan yang sama daripada satu tempoh ke tempoh yang lain ketika peruntukan belanja susutnilai aset syarikat dikira.
  - (d) Polisi syarikat akan diubahsuai untuk mendapatkan nilai aset yang rendah dan ini akan menunjukkan jumlah pendapatan bersih yang konservatif.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
4. Pada akhir tahun aset bersih akan terlebih catat dan belanja semasa akan terkurang, jika syarikat gagal untuk merekod pelaras-an-pelaras-an di bawah.
- (a) Penamatan insuran bayar dulu.
  - (b) Belanja susutnilai aset tetap.
  - (c) Belanja terakru belum bayar.
  - (d) (a) dan (b).
  - (e) (a), (b) dan (c).
5. Aset tetap yang diterima melalui sumbangan derma yang telahpun mempunyai harga saksama akan didebit kepada akaun aset tetap dan dikredit kepada:
- (a) Perolehan tertahan.
  - (b) Tambahan modal berbayar.
  - (c) Pendapatan tertunda.
  - (d) Lain-lain pendapatan.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

6. Jika aset syarikat dijual dengan mendapat keuntungan sebanyak \$820,000 dan cukai ditolak sebanyak \$250,000 dan untung ini dianggap tidak 'unusual' atau 'infrequent', maka keuntungan itu akan dibentangkan di dalam penyata pendapatan untuk tempoh semasa sebanyak:
- (a) Untung \$820,000 dan tambahan di dalam akaun belanja cukai pendapatan sebanyak \$250,000.
  - (b) Pendapatan daripada operasi dan setelah ditolak cukai bersih berjumlah \$570,000.
  - (c) Pelarasan sebelum tempoh dan cukai bersih \$570,000.
  - (d) Perkara luar biasa dan ditolak cukai bersih \$570,000.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

Untuk soalan 7, 8 dan 9, sila andaikan urusniaga di bawah.

Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah menutup akaun syarikat untuk tempoh masa setahun sekali. Untuk tahun 1989 dan 1990, penyata kewangan syarikat mempunyai kesilapan-kesilapan seperti berikut:

	Tahun 1989 -----		Tahun 1990 -----	
Inventori akhir	\$4,000	Terkurang catat	\$6,000	terlebih catat
Belanja susutnilai	\$8,000	Terlebih catat	\$5,000	terlebih catat

7. Andaikan kesalahan yang dilakukan pada tahun 1989 telah diperbetulkan, dan kesalahan untuk tahun 1990 tidak dapat ditemui, maka berapakah jumlah pendapatan syarikat sebelum cukai yang akan direkodkan untuk tahun 1990 dan adakah jumlah itu terlebih atau terkurang catat?
- (a) \$1,000 terlebih catat.
  - (b) \$6,000 terlebih catat.
  - (c) \$11,000 terlebih catat.
  - (d) \$1,000 terkurang catat.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

8. Andaikan SEMUA kesalahan tidak diperbetulkan, berapakah jumlah untuk perolehan tertahan pada 31 Disember, 1990?
- (a) \$0.
  - (b) \$15,000 terkurang catat.
  - (c) \$2,000 terlebih catat.
  - (d) \$12,000 terlebih catat.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
9. Andaikan SEMUA kesalahan tidak diperbetulkan, dan tidak ada kesalahan-kesalahan lain untuk tahun 1991, berapakah jumlah aset semasa pada 31 Disember, 1991.
- (a) \$6,000 terlebih catat.
  - (b) \$0.
  - (c) \$2,000 terlebih catat.
  - (d) \$6,000 terkurang catat.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
10. Aset bersih perniagaan adalah bersamaan dengan:
- (a) Aset semasa tolak liabiliti semasa.
  - (b) Jumlah aset campur jumlah liabiliti.
  - (c) Jumlah liabiliti campur jumlah EPS.
  - (d) Jumlah liabiliti tolak jumlah EPS.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

11. Sebuah mesin yang telah diubahsuai telah berupaya untuk memproses produk syarikat sebanyak 25% lagi dengan tidak perlu menambahkan usia guna yang baru. Kesan daripada ubahsuai itu mesin berkenaan juga mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Oleh yang demikian, kos-kos ubahsuai kepada mesin akan direkodkan kepada:
- (a) Belanja.
  - (b) Didebit kepada akaun susutnilai terkumpul.
  - (c) Dipermodaikan kepada akaun mesin.
  - (d) Peruntukan di antara susutnilai terkumpul dengan akaun mesin.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
12. Sebidang tanah telah disumbangkan secara derma oleh pihak Majlis Tempatan Negeri Kedah. Tanah berkenaan bertujuan untuk pembinaan sebuah kilang baru, dan syarikat akan merekod nilai tanah dengan mengambil kira.
- (a) Kos-kos yang wujud semasa hak tukar milik berlaku.
  - (b) Harga nilai pasaran.
  - (c) Penilaian yang diperuntukan oleh pengarah syarikat.
  - (d) (a) dan (c).
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
13. Yang manakah di antara jawapan berikut dianggap sebagai belanja modal?
- (a) Bayaran untuk akaun belum bayar.
  - (b) Pasaran bon belum bayar.
  - (c) Gaji terakru belum bayar.
  - (d) Bayaran cukai pendapatan.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

14. Kos bunga yang dipermodal akan:

- (a) Dihapuskan mengikut baki yang ada untuk jumlah hutang.
- (b) Tidak akan dihapuskan kecuali terdapat pengurangan nilai yang tetap ke atas aset yang terlibat itu.
- (c) Dikumpulkan di dalam akaun berasingan dan direkod kepada akaun tertangguh yang akan dihapuskan kemudian.
- (d) Tidak akan dihapuskan sehingga aset berkenaan disusutnilai dengan sepenuhnya atau dihapuskan.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

Untuk soalan 15, 16, dan 17, sila rujuk kepada maklumat di bawah:

Pada Mac 1, 1990, Syarikat XYZ telah membeli sebidang tanah yang bertujuan untuk membina ibu pejabat bernilai \$150,000 tunai. Pembinaan ibu pejabat itu bermula pada Mac 1, dan berikut ialah perbelanjaan-perbelanjaan yang wujud pada tempoh pembinaan.

Tarikh	Perbelanjaan
-----	-----
1 Mac, 1990	\$120,000
1 April, 1990	\$144,000
1 Mei, 1990	\$300,000
1 Jun, 1990	\$540,000

Pembinaan telah siap dan diguna pada 1 Julai, 1990. Untuk menolong pembiayaan kewangan pembinaan, syarikat telah meminjam daripada bank berjumlah \$200,000 pada Mac 1, 1990, dengan kadar 9%, melalui nota belum bayar selama 3 tahun. Selain daripada nota syarikat juga mempunyai hutang untuk tempoh tahun 1990 berjumlah \$100,000, 12% melalui nota belum bayar selama 6 tahun bermula pada Januari 1, 1987.

15. Perbelanjaan purata-wajar terkumpul untuk pembinaan projek pada tahun 1990 ialah:

- (a) \$171,000.
- (b) \$1,040,000.
- (c) \$151,000.
- (d) \$221,000.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

16. Bunga sebenar untuk tempoh 1990:

- (a) \$27,000.
- (b) \$30,000.
- (c) \$15,000.
- (d) \$25,000.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

17. Dengan tidak mengambil kira jawapan soalan no.15, andaikan perbelanjaan purata wajar terkumpul untuk pembinaan projek berjumlah \$240,000, maka jumlah kos bunga yang akan dipermodalkan untuk tempoh 1990 ialah:

- (a) \$21,600.
- (b) \$23,800.
- (c) \$27,000.
- (d) \$24,000.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

18. Berikut ialah maklumat yang diambil daripada akaun Syarikat ABC pada 31 Disember, 1990.

	Debit/Kredit
	-----
Jumlah pendapatan syarikat .....	\$2,100,000
Jumlah bayaran dividen tunai .....	(\$ 800,000)
Kesan perubahan kumulatif di dalam prinsip perakaunan .....	(\$ 150,000)
Jumlah dividen saham diagihkan .....	(\$ 250,000)
Pelarasan sebelum tempoh, direkod pada 1 Januari, 1990 .....	\$ 75,000

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki mengira baki perolehan tertahan pada 31 Disember, 1990.

- (a) \$975,000.
  - (b) \$1,050,000.
  - (c) \$900,000.
  - (d) \$1,125,000.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
19. Kos aset tetap bernilai \$18,000 dan nilai sisaan ialah \$4,500. Usia guna aset ialah 3 tahun. Jika susutnilai di dalam tahun ketiga berjumlah \$2,250, apakah kaedah susutnilai yang digunakan.
- (a) Kaedah garis lurus.
  - (b) Kaedah baki berkurangan.
  - (c) Kaedah unit-unit keluaran.
  - (d) Jumlah angka tahun.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
20. Yang manakah di antara kaedah berikut mesti digunakan untuk merekod susutan ke atas sumber minyak dan gas untuk tujuan laporan kewangan.
- (a) "Successful efforts method".
  - (b) "Full costing method".
  - (c) "Reserve recognition account method".
  - (d) Sama ada "successful efforts" atau "full costing method".
  - (e) Sama ada "successful efforts", "full costing" atau "reserve recognition account".

21. Syarikat Tunas Muda Sdn. Bhd. telah membeli sebuah mesin jentera pada Januari 3, 1983 dengan harga \$420,000. Kaedah garis lurus telah digunakan untuk mengira peruntukan susutnilai. Anggaran usia guna mesin ialah 10 tahun dan tidak ada nilai sisaan. Pada awal tahun 1990, syarikat telah membelanjakan sebanyak \$105,000 untuk kos memperbaiki enjin mesin yang telah rosak. Akibat daripada ubahsuai itu, syarikat telah membuat anggaran bahawa usia guna mesin akan ditambah lagi kepada 5 tahun. Berapakah jumlah belanja susutnilai yang akan direkod kepada mesin untuk tahun 1990.
- (a) \$28,875.
  - (b) \$38,150.
  - (c) \$42,000.
  - (d) \$34,755.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
22. Punca utama kenapa syarikat gemar kepada jenis perniagaan yang berbentuk pajak ialah kerana pajak akan melibatkan.
- (a) Nilai bunga.
  - (b) Nilai lebihan yang tinggi.
  - (c) Galakkan di atas cukai.
  - (d) Semua di atas.
  - (e) (a) dan (c) sahaja.
23. Perkara-perkara yang tidak dianggap liabiliti luar jangka ialah:
- (a) Premium yang diberikan kepada pelanggan.
  - (b) Risiko yang akan ditanggung ke atas harta syarikat yang tidak dibeli insuran.
  - (c) Bayaran tambahan yang mungkin akan dibayar kepada pekerja, akibat daripada penyelesian dengan Persatuan Sekerja.
  - (d) Anggaran tuntutan waranti untuk tujuan servis di atas produk yang telah dijual.
  - (e) Semua item di atas adalah liabiliti luar jangka.

...10/-

24. Apabila syarikat menamatkan operasi perniagaan dan menghapuskan sebahagian daripada bahagian operasi, maka urusniaga ini akan direkodkan di dalam penyata pendapatan sebagai jumlah untung atau rugi di bawah tajuk:
- (a) Pelarasan untuk tempoh sebelum.
  - (b) 'Extraordinary' item/Perkara luar biasa.
  - (c) Ditunjukkan selepas jumlah daripada operasi berterusan dan sebelum item 'Extraordinary'/Perkara luar biasa.
  - (d) Jualan aset tetap termasuk perolehan daripada operasi berterusan.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.
25. Pendahuluan sewa yang dikutip oleh si pemilik aset untuk jenis pajak operasi ialah:
- (a) Liabiliti terakru.
  - (b) Aset tertangguh.
  - (c) Hasil terakru.
  - (d) Hasil tertangguh.
  - (e) Tidak satu pun di atas.
26. Yang manakah di antara komponen-komponen di bawah yang memerlukan banyak maklumat tambahan semasa pembentangan dibuat?
- (a) Aset semasa.
  - (b) Liabiliti semasa.
  - (c) Aset jangka panjang.
  - (d) Liabiliti jangka panjang.
  - (e) Ekuiti.

27. Mengikut kaedah pajak operasi, belanja sewa terakru oleh sипенуewa akan:

- (a) Dipermодалkan di dalam akaun aset dan akan di caj kepada pendapatan sebagai aset dan disusutnilaikan.
- (b) Aset dipermодалkan di dalam akaun aset dan baki akan dicaj kepada liabiliti pajak untuk setiap tempoh di dalam KKK.
- (c) Akan direkodkan di dalam pendapatan syarikat hanya untuk tempoh masa aset yang telah digunakan.
- (d) Akan direkod di dalam pendapatan pada kadar yang sama untuk pengurangan di dalam liabiliti pajak.
- (e) Tiada satu pun yang betul.

28. \_\_\_\_\_ ialah faktor yang tidak diambil kira untuk penentuan usiaguna aset tidak nampak.

- (a) Tempoh jangka masa yang sah.
- (b) Persaingan perniagaan.
- (c) Nilai sisaan.
- (d) Hak untuk pembaharuan atau sambungan perjanjian.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

29. Muhibbah:

- (a) Adalah dianggap sebagai aset di dalam syarikat dan tidak akan dipermодалkan kecuali ianya boleh diukur kepada cara pengukuran syarikat-syarikat lain.
- (b) Boleh dikira dan nilai-nilai individu boleh ditetapkan.
- (c) Mewakili satu aset yang unik dan di dalamnya mengandungi nilai-nilai yang boleh ditentukan untuk perniagaan secara umum.
- (d) Akan wujud di dalam syarikat dan nilai-nilainya adalah berbeza-beza daripada persaing lain.
- (e) Tidak satu pun yang betul.

30. Yang manakah di antara liabiliti luar jangka yang mestilah diakrukan.
- (a) Diskaun nota belum terima.
  - (b) Pengesahan nota pelanggan.
  - (c) Tambahan gaji kepada servis sebelum, yang mungkinakan dibayar kepada pekerja akibat daripada tuntutanKesatuan Sekerja.
  - (d) Anggaran tuntutan untuk servis waranti di atas produkyang telah dijual.
  - (e) Tidak satu pun yang betul.

[30 markah]

BAHAGIAN B (WAJIB)

1. Berikut ialah maklumat kunci kira-kira Syarikat Masam Manis Sdn. Bhd. seperti pada 31 Disember, 1990:

Syarikat Masam Manis Sdn. Bhd.  
Kunci kira-kira  
seperti pada 31/12/1990

Aset semasa ...	\$ 435,000	Liabiliti semasa ..	\$ 380,000
Pelaburan .....	\$ 640,000	Liabiliti jangka	
Harta, loji, peralatan ...	\$1,720,000	panjang .....	\$1,000,000
Aset tidak ketara .....	\$ 305,000	EPS .....	\$1,720,000
	-----		-----
	\$3,100,000		\$3,100,000
	=====		=====

Berikut ialah maklumat-maklumat tambahan syarikat yang belum diambil kira.

- (a) Di bahagian aset semasa syarikat mempunyai:

Tunai	\$100,000
Akaun belum terima	\$170,000
Elaun hutang lapuk	\$ 10,000
Inventori	\$180,000
Hasil tertangguh	\$ 5,000

Baki tunai berjumlah \$116,000 iaitu setelah ditolak bank overdraft bernilai \$16,000. Inventori direkod dengan menggunakan kaedah MDKD atau kos yang terendah.

- (b) Di bahagian pelaburan termasuk, nilai tunai akibat daripada polisi insuran yang telah tamat berjumlah \$40,000, pelaburan di dalam saham biasa untuk jangka pendek berjumlah \$80,000 dan untuk pelaburan-pelaburan jangka panjang berjumlah \$140,000, bon \$200,000 dan kos-kos penubuhan \$180,000.
- (c) Harta, loji dan peralatan termasuk bangunan \$1,040,000 dan susutnilai terkumpul \$360,000. Peralatan \$420,000 dan susutnilai terkumpul \$180,000 dan tanah \$500,000 dan tanah untuk tujuan kegunaan masa hadapan berjumlah \$300,000.

ATP 201

- (d) Aset tidak ketara termasuk 'Franchise' \$165,000, Muhibbah \$100,000 dan diskaun di atas bon belum bayar \$40,000.
- (e) Liabiliti semasa termasuk akaun belum bayar \$90,000, nota belum bayar (jangka pendek) \$120,000 dan nota belum bayar (jangka panjang) \$80,000, cukai belum bayar \$40,000 dan peruntukan liabiliti luar jangka (contingencies) jangka pendek \$50,000.
- (f) Satu lagi liabiliti jangka panjang ialah bon yang jumlahnya adalah setelah ditolak 10% daripada jumlah bon belum bayar yang akan matang pada tahun 1998.
- (g) EPS mempunyai saham terutama, tidak ada nilai par, dan jumlah dibenarkan 200,000 saham, diistiharkan 70,000 dan saham bernilai \$450,000. Saham biasa \$1.00 pada nilai par, dibenarkan 400,000 saham, dan diistiharkan 100,000 dan saham bernilai \$10.00. Syarikat mempunyai peruntukan perolehan tertahan sebanyak \$270,000 yang belum diagihkan kepada peruntukan liabiliti luar jangka ("contingencies").

Berdasarkan maklumat di atas anda diminta menyemak semula dan sediakan kunci kira-kira syarikat mengikut prosedur perakaunan yang diterima umum.

[20 markah]

2. Berikut ialah IAS yang telah dibincangkan di dalam kursus ATP 201

IAS 16  
IAS 5  
IAS 23

Anda dikehendaki memilih satu daripada IAS di atas dan secara ringkas nyatakan kandungan dan keperluannya di dalam prosedur pembentangan penyata kewangan di Malaysia.

[10 markah]

BAHAGIAN C

Jawab DUA daripada EMPAT soalan.

1. (a) Encik A dan B masing-masing mempunyai baki modal berjumlah \$32,000 dan \$44,000. Keuntungan dan kerugian diagih mengikut kadar nisbah 4 : 1. Encik C telah diterima sebagai pekongsi baru dan beliau telah melabur sebanyak \$15,000 di dalam syarikat perkongsian dan beliau diberi 1/7 hak di dalam perkongsian baru itu.

Dikehendaki:

- (i) Namakan 2 kaedah yang boleh digunakan untuk merekod kemasukan pekongsi baru.
- (ii) Melalui kaedah-kaedah itu sila rekodkan kedudukan modal Encik A, B dan C.

(10 markah)

- (b) Pada tahun 1989 Syarikat Perunding Bunga Mawar kepunyaan pemilik-pemilik Cik Melati, Cik Dahlia dan Cik Cempaka telah melaporkan keuntungan berjumlah \$416,250,000. Cik Melati mempunyai baki modal pada 1 Januari sebanyak \$75,000. Beliau juga telah menambahkan pelaburannya berjumlah \$15,000 pada 31 Mac. Seterusnya beliau telah mengeluarkan sebanyak \$30,000 pada 30 September dan melabur lagi pada 31 Oktober sebanyak \$22,500.

Cik Dahlia pula mempunyai baki modal pada 1 Januari berjumlah \$90,000. Modal beliau telah ditambah sebanyak \$45,000 pada Februari 28, dan pada Julai 31, beliau telah mengurang pelaburannya kepada \$81,000 dan baki ini kekal sehingga akhir tahun.

Cik Cempaka mempunyai modal pada 1hb Januari sebanyak \$60,000 dan ini telah ditambah dua kali ganda pada April 30, dan pada 31hb Ogos telah berkurang sebanyak \$30,000.

Berdasarkan kepada urusniaga ketiga-tiga pekongsian di atas, anda dikehendaki menentukan agihan yang berdasarkan kepada tiga andaian di bawah untuk setiap pekongsian:

- (i) Untung akan diagihkan mengikut nisbah baki modal pada 1 Januari, 1989.
- (ii) Untung akan diagihkan mengikut nisbah baki purata wajar.
- (iii) Untung diagihkan berdasarkan kepada 10% faedah di atas baki modal purata wajar, dan setiap pekongsi diberi gaji \$39,000, \$27,000 dan \$33,000 dan baki untuk akan diagih sama rata dan berapakah jumlah pendapatan bersih setiap pekongsi?

[10 markah]

2. (a) Syarikat XYZ Sdn. Bhd. telah membuat perjanjian dengan Syarikat Pajak ABC Sdn. Bhd. untuk menyewa beberapa mesin komputernya. Syarikat ABC adalah di antara syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan sewa-pajak, ianya bukan syarikat pembuat atau pun pengedar mesin komputer itu. Syarikat XYZ akan menyewa mesin komputer untuk selama 3 tahun dan ini bersamaan dengan 50% usia guna ekonomi mesin. Syarikat ABC akan memperolehi hak ke atas mesin apabila tamat tempoh sewa perjanjian dan mesin berkenaan pula akan disewakan kepada syarikat lain. Syarikat XYZ tidak menjamin apa-apa nilai lebihan yang mungkin ada selepas mesin dipulangkan dan walau bagaimanapun syarikat tidak akan membeli mesin itu apabila perjanjian tamat kelak.

Kadar pinjaman tambahan "incremental" yang diguna oleh Syarikat XYZ ialah 16% dan kadar "implicit" untuk sewa pajak ialah 14 1/2%. Syarikat XYZ tidak mengetahui apakah kadar "implicit" yang diguna oleh Syarikat ABC. Walau pun kadar yang digunakan oleh ABC, nilai kini bayaran pajak ialah di antara 90% dan 100% daripada nilai saksama mesin pada tarikh perjanjian pajak. Syarikat XYZ telah bersetuju untuk membayar semua kos-kos "executory" dan tidak ada elaut-elaut lain yang mungkin akan ujud di dalam bayaran sewa pajak.

Syarikat ABC telah pasti bahawa Syarikat XYZ akan dapat membayar semua bayaran sewa, dan oleh kerana Syarikat XYZ telah bersetuju untuk membayar kos-kos executory, maka tidak ada kos-kos lain yang akan dikenakan oleh Syarikat ABC dan diandaikan tidak ada kos-kos tidak langsung yang akan ujud.

... 17/-

Dikehendaki:

Berdasarkan urusniaga di atas anda diminta menjawab soalan-soalan berikut berdasarkan kedudukan Syarikat XYZ Sdn. Bhd.

- (i) Apakah jenis pajak yang telah dipersetujui? Sila jelaskan sebab-sebab kenapa anda berbuat demikian.
- (ii) Bagaimanakah perkiraan yang akan direkod oleh Syarikat XYZ ke atas pajak atau aset yang diperolehi.
- (iii) Apakah akaun-akaun yang akan terlibat ketika syarikat merekod urusniaga di atas? Dan bagaimanakah pajak atau aset dan lain-lain kos berkaitan supaya urusniaga dapat dipadankan dengan perolehan syarikat.
- (iv) Bagaimanakah pembentangan aset yang akan dilaporkan oleh Syarikat XYZ?

[10 markah]

- (b) (i) Apakah jenis pajak yang telah persetujui oleh Syarikat ABC? Sila jelaskan sebab-sebab anda berbuat demikian.
- (ii) Bagaimanakah jenis pajak ini akan direkodkan oleh Syarikat ABC dan cara-cara yang sesuai untuk menentukan jumlah yang akan direkod.
- (iii) Jelaskan bagaimana Syarikat ABC akan menentukan jumlah yang akan direkod supaya perolehan dapat diiktirafkan sebagai satu daripada bayaran sewa.
- (iv) Bagaimanakah pembentangan aset yang akan ditunjukkan di dalam penyata kewangan Syarikat ABC?

[10 markah]

3. (a) Syarikat Perwira Jaya Sdn. Bhd. telah membeli sebidang tanah untuk tujuan pembinaan bangunan ibu pejabat syarikat yang baru. Sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan syarikat terpaksa meruntuhkan sebuah kilang yang telah usang di atas tanah yang beli itu. Setelah bangunan siap dibina, syarikat telah membina sebatang jalan raya bagi kemudahan keluar masuk ke ibu pejabat hingga ke kawasan letak kereta syarikat.

Selepas 3 tahun kemudian, syarikat telah membina dua tingkat bangunan tambahan kepada bangunan ibu pejabat yang sedia ada, dan bangunan tambahan ini dianggar mempunyai usia guna selama 5 tahun iaitu lebih daripada baki anggaran usia guna bangunan asal.

Sepuluh tahun kemudian, tanah serta bangunan telah dijual dengan jumlah lebih daripada nilai buku dan syarikat telah berpindah ke tempat lain.

Dikehendaki:

- (i) Di antara perbelanjaan di atas yang mana satukah yang boleh atau mesti dipermodaikan? Bagaimanakah setiap item berkenaan akan disusutnilai atau diperlunaskan. Bincangkan.
- (ii) Bagaimanakah jumlah tanah dan bangunan akan direkodkan? Anda dikehendaki memberi penjelasan bagaimana penentuan nilai buku pada tarikh jualan dan jawapan anda mesti mengikut 'rational' yang akan menyokong jawapan anda itu.

(10 markah)

- (b) Untuk setiap perkara di bawah, sila nyatakan apakah masalah yang mungkin akan ujud untuk dicatatkan sebagai aset syarikat.
- (i) Aset dibeli melalui penerbitan saham modal syarikat.
  - (ii) Aset diperolehi melalui hadiah atau sumbangan derma.
  - (iii) Aset dibeli dengan mendapat diskain tunai.

...19/-

ATP 201

- (iv) Aset dibeli secara pinjaman jangka panjang.
- (v) Sekumpulan aset diperolehi secara kelompok
- (vi) Aset telah ditolak beli (traded in) dengan aset lain.

[10 markah]

4. (a) Pada 1hb Jun 1989, Universiti Sains Malaysia (U.S.M.) telah melantik Pemborong ABC Sdn. Bhd. untuk membina sebuah bangunan kuliah tambahan bernilai \$8,000,000 atas tanah hak milik U.S.M.

Berikut ialah jadual bayaran yang telah dibayar oleh U.S.M. kepada Pemborong ABC:

Tarikh	Jumlah
-----	-----
30/7/1990	\$2,400,000
30/1/1991	\$3,000,000
30/5/1991	\$2,600,000
	-----
Jumlah bayaran	\$8,000,000
	=====

Pembinaan bangunan kuliah tambahan itu telah siap dan diguna dengan sepenuhnya pada 29 Mei, 1990. Pihak U.S.M. tidak membuat apa-apa pinjaman baru yang berkaitan dengan pembinaan bangunan berkenaan. Walau bagaimanapun U.S.M. mempunyai baki hutang-hutang lamanya seperti pada 31 Mei, 1991.

14 1/2%, 5 tahun nota belum bayar bernilai \$4,000,000 tarikh 1 April, 1989. Faedah/bunga dibayar setahun sekali pada 1/4.

12%, 10 tahun bon dikeluarkan bernilai \$3,000,000 dijual pada 30 Jun, 1983. Faedah/bunga dibayar setahun sekali pada 30 Jun.

Bangunan tambahan kuliah yang dibina adalah layak untuk bunga dipermodalkan. Ini adalah disebabkan oleh jumlah belanja faedah bunga ke atas projek adalah "Material" jika dibandingkan dengan belanja bunga syarikat yang lain.

...20/-

Dikehendaki:

- (i) Kira jumlah perbelanjaan purata wajar untuk tempoh pembinaan yang layak dipermodalkan.
- (ii) Kira bunga yang dapat dielakkan di atas pembinaan bangunan.
- (iii) Nyatakan jumlah belanja bunga yang akan dipermodalkan dan cara pembentangannya.

[10 markah]

- (b) Berikut ialah perkara di luar jangka "Contingencies" Syarikat ABC pada 31/12/1990.

- (i) Syarikat telah terlibat di dalam kes mahkamah dan kemungkinan besar, syarikat akan menang dan akan mendapat bayaran ganti rugi berjumlah \$6,000,000.
- (ii) Syarikat telah menjual beberapa buah mesin komputer dan mesin tersebut mempunyai waranti untuk satu tahun. Kemungkinan besar liabiliti sebanyak \$4,800,000 akan wujud pada tarikh 31/12/1990 iaitu kesan daripada waranti tersebut.

Anda dikehendaki:

1. merekod peristiwa di atas sebagai perkara luar jangka "Contingencies" ke dalam jurnal.
2. Nyatakan bagaimana syarikat di atas akan membentangkan "Contingencies" di atas di dalam kunci kira-kira pada 31/12/1990.

[5 markah]

(c) Syarikat Saham Terpilih Sdn. Bhd. telah mengeluarkan pernyataan kewangan syarikat untuk tempoh tahun berakhir 31/12/1990 dan 10/3/1991. Berikut ialah beberapa peristiwa yang telah berlaku pada awal tahun 1991:

- (i) Pada 10hb Januari, saham biasa sebanyak 20,000, nilai par \$10.00 sesyer, telah diterbitkan pada harga \$140 sesyer.
- (ii) Pada 1hb Mac, setelah dipersetujui oleh pihak cukai pendapatan negeri, syarikat telah diarah untuk membayar cukai pendapatan tahun 1990 berjumlah \$2,460,000. Walau bagaimanapun pada 31/12/1990 syarikat telah merekod cukai pendapatan belum bayar sebanyak \$2,200,000.

Dikehendaki:

Anda bincangkan bagaimana kedua-dua peristiwa di atas yang dianggap "Subsequent event" yang akan direkodkan di dalam pernyataan kewangan syarikat untuk tahun 1990.

[5 markah]

--oooo000oooo--